

# PELAJAR UNIMAS TERKEJUT TERSEREMPAK BUAYA

18 Januari 2017 1:43 AM



BUAYA tembaga ditemukan di kawasan penginapan penuntut Unimas di Taman Desa Ilmu, Jalan Dato Mohd. Musa, Kota Samarahan, Sarawak, kelmarin.

**KOTA SAMARAHAN 17 Jan. –** Sekumpulan penuntut Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) yang dalam perjalanan pulang ke asrama mereka di Pangsapuri Raflesia, Jalan Dato Mohd. Musa di sini malam tadi, terkejut apabila menyedari objek di atas jalan yang disangkakan sebatang kayu rupa-rupanya seekor buaya tembaga.

Kehadiran reptilia sepanjang kira-kira 2.13 meter itu disedari kumpulan penuntut tersebut kira-kira pukul 10.20 malam.

Seorang penuntut yang enggan dikenali memberitahu, dia bersama rakan-rakannya terkejut apabila objek yang disangkakan sebatang kayu di atas jalan berhampiran asrama mereka rupa-rupanya seekor buaya.

Katanya, sang bedal itu dilihat mula merangkak keluar dari kawasan semak berhampiran selepas dia menyuluh reptilia tersebut dengan lampu suluh.

“Pada mulanya, kami menyangka objek itu hanyalah sebatang kayu, namun apabila diperhatikan betul-betul, kami jadi takut kerana ia rupa-rupanya seekor buaya.

“Kami terus menghubungi bomba untuk meminta bantuan menangkap buaya tersebut,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sementara itu, Penolong Pengarah (Operasi) Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Farhan Sufyan Borhan berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung penemuan buaya itu pada pukul 10.26 malam.

Katanya, tujuh anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kota Samarahan bergegas ke lokasi kejadian untuk menangkap reptilia itu sejurus menerima maklumat.

“Walau bagaimanapun sebaik sahaja tiba di lokasi, buaya yang dipercayai sesat selepas naik ke darat ekoran air sungai pasang sebelum itu gagal dikesan.

“Kami telah memaklumkan kes ini kepada Sarawak Forestry Corporation untuk tindakan lanjut termasuk memburu reptilia itu bagi mengelakkan ia menjadi ancaman kepada penduduk,” katanya.